

**PM Seru Generasi Muda Maksimumkan Kebolehan Masing-masing
Bernama
15 May, 2013**

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyeru generasi muda negara supaya memaksimumkan kebolehan masing-masing kerana mereka ialah pemimpin masa depan Malaysia.

Perdana menteri membuat gesaan itu dalam tweet terbaharunya sempena sambutan Hari Belia Negara Rabu.

"Saya seru generasi muda agar memaksimumkan kebolehan masing-masing kerana anda adalah pemimpin masa depan negara," katanya.

Hari Belia Negara disambut pada 15 Mei setiap tahun.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=949732>